

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATO' SERI HAJI IDRIS BIN JUSOH [ BESUT ]**

**SOALAN**

**DATO' SERI HAJI IDRIS BIN JUSOH [ BESUT ]** minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan status pelaksanaan projek penambakan pasir dan pembaikan struktur benteng pemecah ombak di Kuala Besut.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Di-Pertua,**

1. Di bawah RMKe-10, Kerajaan telah meluluskan Projek Pemuliharaan Muara Sungai Besut, Terengganu untuk dilaksanakan oleh Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) melalui Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dengan siling projek sebanyak RM238 juta.
  
2. Projek ini telah lewat jadual di mana status pelaksanaan kerja-kerja fizikal di tapak adalah sebanyak 64% berbanding jadual sebenar 100%. Antara punca utama kelewatan adalah pelaksanaan kerja di tapak yang kurang efektif dan efisien. Sehubungan dengan itu, setelah mengambilkira prestasi kerja semasa kontraktor, mesyuarat '*Contract Coordination Panel*' (CCP) telah bersidang pada 6 Oktober 2020 dan Notis Untuk Tujuan Penamatan (NUTP) telah dikeluarkan kepada kontraktor pada 15 Oktober 2020.

Sekian, terima kasih.